

21 NOV 1998

Lead Reformasi

PERHIMPUNAN HARAM: EMPAT DITAHAN

KUALA LUMPUR, 21 Nov (Bernama) -- Seorang pegawai kerajaan dan seorang pemimpin badan bukan kerajaan adalah antara empat lelaki yang ditahan dipercayai terbabit dalam perhimpunan haram anjuran para penyokong Datuk Seri Anwar Ibrahim di sini, malam ini.

Kedua-duanya yang berusia dalam lingkungan 30 tahun dan dirahsiakan identiti mereka ditahan untuk soal siasat, kata Ketua Polis Kuala Lumpur Datuk Kamarudin Md Ali.

Dua lagi, yang berusia antara 25 dan 30, juga ditahan bagi tujuan yang sama, katanya ketika ditemui di Jalan Raja Alang.

Perhimpunan malam ini adalah yang kesembilan diadakan berturut-turut sejak 26 Sept lepas. Perhimpunan itu bermula di perkarangan Masjid Jamek Kampung Baru selepas solat Isyak.

Tanpa mengendahkan kawalan ketat polis yang dimulakan di situ sejak 4 petang, para penyokong reformasi itu berkumpul sambil melaung-laungkan slogan "Reformasi", "Allahuakbar" dan "Mahathir Undur".

Perhimpunan kali ini berganjak kira-kira 100 meter dari tempat perhimpunan sebelum ini, iaitu di Jalan Raja Abdullah, dan bukannya di persimpangan Jalan Raja Alang-Raja Abdullah. Bagaimanapun, jalan-jalan berkenaan ditutup kepada lalu lintas sejak petang tadi.

Kira-kira pukul 9.15 malam, Ketua Daerah Polis Dang Wangi SAC II Zainal Abidin Ali dan pegawai-pegawai polis lain bergerak ke arah kumpulan itu sambil meminta mereka supaya bersurai. Arahan itu tidak dihiraukan.

Sepuluh minit kemudian, sekali lagi arahan yang sama dibuat. Melihat kedegilan para penyokong berkenaan, pancutan air pemedih mata berwarna kuning dilepaskan dari dua alat pancutan air sambil anggota-anggota Pasukan Simpanan Persekutuan (FRU), yang lengkap dengan perisai dan cota, serta Pasukan Gerakan Am terus bergerak pantas ke arah penyokong untuk menahan mereka yang masih berdegil.

Kamarudin berkata, polis bertindak menyuraikan mereka sejak awal-awal lagi bagi mengelakkan berlaku kejadian tidak diingini.

Berdasarkan perhimpunan yang lepas, pihak penganjur perhimpunan haram itu didapati tidak dapat mengawal para penyokong sekiranya polis hanya membiarkan gelagat mereka sebelum mengambil tindakan sekiranya mereka bertindak agresif.

Melihat penangkapan keempat-empat lelaki itu, para penyokong mula bersurai dan keadaan kembali seperti sedia kala menjelang pukul 9.45 malam.

-- BERNAMA

TM WAT